

PENGECUALIAN CUKAI PELANCONGAN

18/06/2020 12:00AM

MAKLUMAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PUTRAJAYA

TANGGUNGJAWAB PENGENDALI PENGINAPAN BERIKUTAN PENGECUALIAN CUKAI PELANCONGAN OLEH MENTERI

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun 2020. Terdapat inisiatif berhubung Cukai Pelancongan iaitu:

Pengecualian cukai pelancongan kepada warganegara asing yang menginap di premis berdaftar mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021.

2. Walaupun dalam tempoh pengecualian, tiada cukai pelancongan yang dikenakan Pengendali penginapan perlu mematuhi peruntukan Akta Cukai Pelancongan 2017 dan Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan 2017.
3. Pengendali penginapan perlu mengemukakan penyata cukai TTx-03 mengikut tempoh bercukai berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 19(5) Akta Cukai Pelancongan 2017, walaupun tiada cukai pelancongan yang dikenakan kepada pelancong asing :

i) Mengakaun dan membayar cukai pelancongan yang diterima dari pelancong asing untuk penginapan sebelum tempoh pengecualian atau mana-mana cukai pelancongan yang masih belum diterima daripada pelancong dalam tempoh dua belas bulan kalendar yang menjadi genap masa dalam tempoh bercukai.

ii) Jumlah cukai pelancongan yang dikecualikan perlu dinyatakan dalam penyata TTx-03. Ruangan 7 dalam TTx-03 hendaklah diisi dengan jumlah cukai untuk setiap malam setiap bilik yang tidak dikenakan cukai pelancongan (dikecualikan) kepada pelancong asing.

iii) Pengendali penginapan perlu menyatakan pengecualian cukai pelancongan di dalam inuis. Inuis yang dikeluarkan kepada pelancong asing berkaitan dengan pengenaan cukai pelancongan boleh dicatatkan sebagai "dikecualikan" atau "NIL" atau "RM0.00" untuk tempoh pengecualian.

4. Kegagalan mematuhi peruntukan Seksyen 19(5) Akta Cukai Pelancongan 2017 merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan pendakwaan.

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI, IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA

TARIKH: 18 JUN 2020